



“MEMELIHARA KEAMANAN DAN KESEJAHTERAAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الرَّبِّ الْعَظِيمِ : وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ
وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا
أَسْتَخْلَفَ الَّذِينَ كُفَّارٌ مِّنْ قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمْ
الَّذِي أَرَتَضَى لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُمْ مِّنْ بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ
وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ



تَعَالَى : يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِلِهِ وَلَا
تَمْوَنُ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Bertaqwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa. Dan Janganlah kita mati melainkan dalam keadaan beriman kepada Allah SWT. Marilah kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan melakukan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala tegahan-Nya.

Marilah sama-sama kita menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk: **"MEMELIHARA KEAMANAN DAN KESEJAHTERAAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA"**.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Antara nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT terhadap hambanya di muka bumi ini adalah nikmat keamanan dan kesejahteraan. Kedua-dua nikmat ini mampu membawa hambanya ke arah kehidupan yang harmoni dan kemajuan yang tidak terhingga nilainya.

Kita sebagai umat Islam perlu menyedari bahawa memelihara keamanan dan memupuk kesejahteraan adalah suatu yang amat dituntut oleh agama. Memelihara keamanan dan memupuk kesejahteraan perlulah dilaksanakan dalam kehidupan kita seharian



tanpa mengira status sosial, pegangan agama, fahaman, bangsa atau keturunan.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Sebagai seorang muslim, kita perlu sedar bahawa membentuk kehidupan individu, keluarga dan masyarakat yang aman dan sejahtera merupakan sunnah para nabi. Ini dapat dihayati melalui kisah nabi Allah Ibrahim seawal beliau sampai ke bumi Mekah al-Mukarramah. Nabi Allah Ibrahim a.s lantas berdoa kepada Allah SWT supaya menganugerakan keamanan dan keselamatan untuk bumi Mekah sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 126:

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ آجُلْ هَذَا بَلَدًاءَ امِنًا وَأَرْزُقْ
صَدَقْ
أَهْلَهُ وَمِنَ الْثَّمَرَاتِ مَنْءَامَنَ مِنْهُمْ بِاللَّهِ وَالْيَوْمُ أَلَا خِرِّ



"Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan! Jadikanlah (negeri Mekah) ini negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat di antara mereka...".

Ayat tersebut menjelaskan betapa Nabi Allah Ibrahim menyedari kepentingan nikmat keamanan itu dalam kehidupan sesebuah keluarga. Beliau bukan sahaja mendoakan keamanan untuk ahli keluarganya



sahaja bahkan juga untuk kota Mekah. Nabi Allah Ibrahim menyedari keamanan adalah lambang kesejahteraan dan kebahagiaan diri dan masyarakat. Dengan keamanan, manusia mampu mencapai segala kebahagiaan, ketenangan, kebaikan dan juga mampu melakukan pembaharuan yang diimpikan oleh manusia.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Nilai keamanan dan kesejahteraan yang dianjurkan Islam adalah amat sesuai dipraktikkan bagi setiap masa dan zaman dan ini bersesuaian dengan kedudukan Islam itu sendiri sebagai agama pembawa rahmat dan kesejahteraan. Kita semua perlu sedar bahawa Islam bukanlah agama yang mencetuskan keganasan dan perasaan takut atau menyeru ke arah persengketaan dan pertumpahan darah. Sebaliknya Islam menjadi perantara bagi mengajak semua bangsa ke arah keamanan dan kesejahteraan

Menyuburkan dan mengekalkan keamanan adalah amat penting bagi sesebuah masyarakat. Ini kerana.

Pertama : Dapat menjamin kehidupan yang harmoni.

Kedua : Dapat menjadikan kita umat yang dihormati dan disegani bangsa lain.

Ketiga : Dapat memberikan keselesaan untuk beribadat kepada Allah SWT tanpa dibayangi perasaan takut dan bimbang.

Keempat : Merealisasikan objektif agama Islam iaitu sebagai rahmat kepada seluruh alam, samada manusia dan juga makhluk lain.



Model yang mesti dicontohi oleh kita semua dalam mempromosi nilai keamanan dan kesejahteraan adalah dengan merujuk kepada amalan Nabi Muhamad s.a.w. Secara umum, prinsip yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. ketika menyelesaikan segala permasalahan masyarakat Islam yang timbul adalah sentiasa menjuruskan kepada keamanan dan kesejahteraan. Prinsip yang sama juga diperaktikkan oleh Baginda s.a.w. ketika berdakwah dan berdepan dengan musuh.

Sebuah hadith daripada Abu Hurairah R.A. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda

الْمُؤْمِنُ مَنْ أَمِنَهُ النَّاسُ عَلَى دِمَائِهِمْ وَأَمْوَالِهِمْ.

"Seorang mukmin adalah dia yang memberi jaminan rasa aman kepada manusia atas darah dan harta mereka".

(Riwayat at-Tirmidzi, an-Nasa'ie dan Ahmad)

Begitu juga dalam hadith daripada Abdullah bin 'Amru R.A. bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

الْمُسْلِمُ مَنْ سَلَمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ
وَالْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ مَا نَهَى اللَّهُ عَنْهُ.

"Seseorang Muslim yang sempurna (keislamannya) ialah seseorang yang sejahterakan kaum Muslimin daripada lidahnya dan daripada tangannya dan seseorang yang benar-benar berhijrah ialah seseorang yang meninggalkan apa juar yang ditegah oleh Allah daripadanya".

(Riwayat al-Bukhari)



Kedua-dua hadith di atas menjelaskan prinsip dan amalan Rasulullah s.a.w. dalam usaha menjamin keamanan dan kesejahteraan masyarakat. Sebagai contoh, usaha pertama Baginda s.a.w. apabila berada di kota Madinah adalah membuat perjanjian dengan kabilah dan puak yang mempunyai pelbagai budaya dan fahaman. Maka terhasillah Piagam Madinah atau Perlembagaan Madinah di mana intipati utama adalah keamanan dan kesejahteraan. Piagam tersebut menegah penduduk Madinah yang mempunyai pelbagai latar belakang, budaya dan fahaman dari melakukan sebarang bentuk keganasan dan penindasan.

Rasulullah s.a.w. pernah berjiran dengan seorang Yahudi. Baginda sangat menjaga hak-hak jiran. Baginda menghormati jirannya dan tidak pernah melakukan sesuatu yang menyakiti hati jirannya. Bahkan Baginda sentiasa menghadiahkan makanan dan lain-lain hadiah kepada jiran Yahudinya itu.

Begitu juga sikap Rasulullah s.a.w. dengan masyarakat bukan Islam. Baginda s.a.w. sangat mengambil berat tentang hak-hak kafir zimmi iaitu golongan bukan islam yang patuh kepada pemerintahan Islam. Baginda s.a.w. bersabda:

"Sesiapa yang menzalimi kafir zimmi, maka akulah pembelanya, sesiapa yang menjadikanku pembelanya, maka aku pasti akan membela juga pada hari Kiamat."

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Persoalan yang perlu kita sama-sama fikir pada hari ini adalah bagaimana kita boleh mencapai keamanan dan kesejahteraan



sebagaimana yang di anjurkan oleh Islam? Siapakah yang perlu memainkan peranan ini?

Justeru, untuk merealisasikan keamanan dan kesejahteraan dalam sesebuah Negara semua pihak hendaklah memainkan peranan bermula daripada peringkat individu, masyarakat dan pemimpin negara bertanggungjawab melaksanakannya. Ini bermaksud rakyat dan pemimpin semuanya mempunyai tanggungjawab dan peranan yang tersendiri.

Sebagai rakyat biasa, di peringkat individu mestilah patuh kepada pemerintah, tidak menceroboh hak orang lain, beramanah dalam menjalankan tugas, sentiasa berlapang dada, berusaha meningkatkan ketaqwaan dan keikhlasan kepada Allah SWT dalam apa jua tindakan.

Di peringkat masyarakat pula, sama-sama mematuhi peraturan, saling tolong-menolong, menghindari fitnah-memfitnah, bersikap terbuka, saling hormat menghormati, prihatin terhadap apa yang berlaku dan tidak mementingkan diri sendiri. Di samping itu, sentiasalah bertoleransi sesama manusia tanpa mengira batasan agama, fahaman, bangsa dan sebagainya.

Sebagai pemerintah sesebuah negara, para pemimpin mestilah berusaha menjaga keamanan negara dan rakyat sentiasalah bersikap amanah dalam menjalankan tugas dengan menjadikan prinsip adil sebagai asas dalam menentukan sesuatu perkara tanpa menekan dan menindas rakyat. Selain itu, hendaklah memberikan hak-hak yang sewajarnya bagi rakyat melalui apa jua mekanisma yang boleh menjamin keamanan dan kesejahteraan sesebuah negara.



Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Pengajaran yang dapat sama-sama kita hayati daripada khutbah ini adalah, marilah sama-sama kita memahami ajaran Islam secara menyeluruh. Sama-sama menghayati konsep keamanan dan kesejahteraan sebagaimana dianjurkan oleh Islam. Sama-sama kita berlapang dada dan bertolak ansur dalam menjalani kehidupan sehari-hari.

Sama-samalah kita membantu dan menyokong mana-mana sahaja pihak yang ingin menjadikan Islam sebagai asas kehidupan ummah. Sekiranya ini difahami, dihayati dan diamalkan dalam kehidupan individu, masyarakat dan dikalangan pemimpin Negara, maka insyaAllah kita akan dapat hidup dalam suasana yang aman dan sejahtera walaupun hidup dalam Negara yang berbilang bangsa dan fahaman. Maka peliharalah keamanan dan kesejahteraan Negara kerana ini adalah tanggungjawab kita bersama.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ
خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَةَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ



"Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah



kepada-Nya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terharap-harap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya”.

(Al-A'raaf : 56)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَأَيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالدِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تِلَاقُهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَيْ يَوْمِ
الْدِينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلِّونَ عَلَى آلِ النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَأْ
عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ
أَجْمَعِينَ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ
بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى
وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَائِتِكَ
الرَّبَانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَّ لَهُ
مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ سَلَّمُورُ، سُلْطَانِ شَرَفِ
الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ
صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَىيَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَّمُورِ، تَعْكُو



أَمِيرُ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ ادْرِيسِ
شَاهِ الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَالَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ
وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْأَكْرَامِ。اَللَّهُمَّ اَطِلْ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوَظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ。

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain, supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, Tuhan yang mempunyai kekuasaan dan kebesaran. Tuhan penganugerahan keselamatan dan kesejahteraan. Kami mohon ke hadrat-



Mu, cucurilah rahmat ke atas arwah-arwah perwira-perwira negara yang syahid di medan pertempuran di Lahad Datu, Sabah. Semadikanlah roh-roh mereka bersama para syuhada' dan solihin. Demikian juga kepada yang tercedera, dapat dipulihkan segera kesihatan mereka. Kurniakan kepada keluarga mereka kesabaran atas bencana yang menimpa dan keredhaan hati menerima qada' dan ketentuan daripada-Mu.

Ya Allah, selamatkanlah perwira-perwira kami yang masih bertugas di sana. Dengan kekuasaan-Mu juga, dapat kiranya ditamatkan segala pertempuran dan pertumpahan darah.

Engkau bukakanlah hati umat Islam, khususnya di Negeri Selangor untuk melaksanakan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau fardhukan di dalam Al-Quran. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin, sucikanlah harta dan jiwa mereka agar mereka hidup dalam keredhaan-Mu. Kau lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادُ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَّا حُسْنٌ وَإِيتَاءٌ ذِي



الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيٌ يَعْظُمُ لَعْلَكُمْ تَذَكَّرُونَ.

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ
نَعْمَمِهِ، يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.